

16/08/2001

PWM, kelab motosikal anjur Jelajah Merdeka

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) dan Kelab Motosikal Berkuasa Tinggi menganjurkan Jelajah Merdeka 2001 ke seluruh negara bermula 24 Ogos ini.

Program itu juga mendapat kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM); Kementerian Dalam Negeri (KDN); Kementerian Penerangan; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus berkata, jelajah enam hari itu bermula dari perkarangan Rumah PWM di sini dan berakhir di Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Jelajah Merdeka 2001 berkata, 44 motosikal berkuasa tinggi yang dipandu ahli PWM dan Kelab Motosikal Berkuasa Tinggi, akan diiringi 400 motosikal dalam jelajah sejauh 2,140 kilometer itu.

Katanya, peserta akan menyampaikan Jalur Gemilang serta deklarasi kemerdekaan untuk ditandatangani Ketua Menteri, Menteri Besar atau wakil kerajaan negeri.

"Deklarasi yang ditandatangani itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Ambang Merdeka, malam 30 Ogos di Dataran Merdeka," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini. Hadir sama, Presiden PWM, Yazid Othman.

Khalid berkata, jelajah itu diadakan bagi meningkatkan semangat patriotik di kalangan masyarakat dan memupuk semangat muhibah dan mengeratkan perpaduan di kalangan wartawan.

Katanya, pada 17 Ogos ini, 44 peserta jelajah akan menerima Jalur Gemilang daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dataran Merdeka sempena pelancaran Bulan Kemerdekaan.

Beliau berkata, 44 peserta itu melambangkan ulang tahun kemerdekaan yang disambut tahun ini.

Katanya, pelepasan peserta jelajah akan disempurnakan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein pada 24 Ogos ini.

Peserta akan berlepas ke Butterworth sebelum meneruskan perjalanan ke Perlis, Alor Star, Grik, Jeli, Kuala Terengganu, Kuantan, Johor Bahru, Melaka, Seremban dan Shah Alam," katanya.

(END)